



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 1 OKTOBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ZOO NEGARA NAFI DAKWAAN HAIWAN DIBIAR KELAPARAN, NASIONAL, BH -19	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	3,773 AISKRIM DARI TAIWAN TANPA PERMIT DIRAMPAS, BUTTERWORTH, SH -27	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	KONTENA AISKRIM DITAHAN, LOKAL, HM -8	
4.	CONTAINER OF ICE CREAM SENT BACK TO TAIWAN, NATION, THE STAR -8	
5.	PESAWAH TERKESAN BANJIR DIBANTU, NASIONAL, BH -17	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6.	BANJIR: 5,915 HEKTAR SAWAH ROSAK, RUGI LEBIH RM46 JUTA, DALAM NEGERI, UM -1 & 2	
7.	PERLIS HASILKAN 1,250 TAN BENIH PADI SENDIRI, DALAM NEGERI, UM -32	
8.	PAMPASAN PADI ROSAK RM876 HINGGA RM1,800, NEGARA, KOSMO -14	
9.	SALUR BANTUAN SEGERA BANTU PESAWAH, ALR SETAR, SH -24	
10.	PESAWAH RUGI RM40 JUTA, LOKAL, HM -20	
11.	GOVT TO SPEED UP FLOOD AID FOR KEDAH PADI FARMERS, NATIONAL, THE SUN -3	
12.	OVER 2,900 KEDAH, PERLIS FARMERS HIT BY FLOODS, NATION, NST -7	
13.	ANGGUR GOPENG MANIS, RANGUP RM150 SEKILOGRAM, DALAM NEGERI, UM -31	LAIN-LAIN
14.	CUACA BURUK: HASIL TANGKAPAN SUNGAI KURANG, HARGA MENINGKAT, DALAM NEGERI, UM -30	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



Zoo Negara nafi dakwaan haiwan dibiarkan kelaparan

Petaling Jaya: Zoo Negara menafikan dakwaan haiwan di fasiliti terbabit dibiarkan kelaparan, tidak dijaga dengan baik atau kelihatan lemah.

Timbalan Presidennya, Datuk Rosly @ Rahmat Ahmat Lana, berkata semua haiwan dijaga dengan baik mengikut prosedur kesihatan ketat. Katanya, ia termasuk pengawasan berkala dilakukan pakar veterinar dan kakitangan terlatih, selain haiwan yang tidak sihat akan dipantau dan dirawat setiap hari.

Zoo Negara juga memastikan haiwan tidak mengalami kenaikan berat berlebihan yang boleh membahayakan kesihatan.

“(Dakwa) ini tidak benar sama sekali. Pengunjung boleh datang dan lihat sendiri keadaan haiwan di sini, contohnya, harimau kami tidak kurus.

“Haiwan di Zoo Negara dijaga mengikut keperluan spesies masing-masing, bukan seperti haiwan peliharaan di rumah. Mereka diberi diet terkawal, selain kami memantau kesihatan haiwan berkenaan dengan teliti.

“Haiwan di sini mempunyai jadual pemakanan tetap dan jumlah makanan dikawal kerana dikhuatiri berdepan kesan negatif ke atas kesihatan, jika berat badan berlebihan,” katanya.

Media baru-baru ini,

melaporkan seorang pengarah menyuarakan kekecewaan terhadap pengurusan Zoo Negara, mendakwa haiwan di fasiliti itu dilihat terabai.

Pengaruh itu juga mendakwa, kebanyakan haiwan kelihatan lemah, tidak aktif dan kurang berat badan.

“Kita boleh nampak haiwan di sini gembira atau tak.

“Perut harimau dilihat Kempis sedangkan pemakan di Zoo Negara memiliki perut lebih besar dan beberapa haiwan kelihatan sakit.

“Kandang haiwan dilihat tidak teratur, manakala air di dalam akuarium juga keruh,” dakwanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2024	SINAR HARIAN	BUTTERWORTH	27

3,773kg aiskrim dari Taiwan tanpa permit dirampas

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas hampir empat tan aiskrim bernilai RM355,874 dari Taiwan pada Isnin.

Menurut Maqis Pulau Pinang, pihaknya menahan sebuah kontena dagangan membawa pencuci mulut itu di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth (NBCT).

“Pemeriksaan mendapati, barang dagangan berjumlah 3,773 kilogram (kg) ini tidak mempunyai permit import Maqis yang sah dan diarahkan berpatah balik ke negara asal.

“Kontena dagangan ini ditahan dan tidak

dibenarkan masuk ke dalam negara kerana melanggar peraturan ditetapkan,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Jelas Maqis, perbuatan mengimport produk berasaskan haiwan tanpa permit sah merupakan satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

“Kesalahan ini boleh juga dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta yang sama.

“Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2024	HARIAN METRO	LOKAL	8

Kontena ais krim ditahan

Butterworth: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang menahan sebuah kontena dagangan berisi ais krim dari Taiwan bernilai RM355,874 yang didapati tidak mempunyai permit import Maqis yang sah dan mengarahkan supaya ia dikembalikan ke negara asal, semalam.

Dalam kenyataannya Maqis memaklumkan ais krim seberat 3,772 kilogram itu dikesan semasa pihaknya menjalankan pemeriksaan rutin di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth (NBCT) di sini pagi ini.

Maqis mengingatkan semua pemain industri agar sentiasa merujuk serta mematuhi syarat-syarat perdagangan dan import tanpa mendapat permit adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Container of ice cream sent back to Taiwan

BUTTERWORTH: The Penang Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis) ordered a commercial container carrying ice cream from Taiwan worth RM355,874 to be sent back because it did not have valid documentation.

In a statement yesterday, Penang Maqis said the ice cream weighing 3,772kg was detained during a routine inspection carried out at the North Butterworth Container Terminal (NBCT) here yesterday.

"A routine inspection carried out by Maqis found that the merchandise did not have a valid Maqis import permit, and the act of importing animal-based products without a valid permit is an offence under Section 11(1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 [Act 728]," read the statement.

Maqis also reminded all industry players to always refer to and comply with the country's import and export trade conditions.

Any act that does not comply with the conditions is an offence, according to Maqis, and strict action will be imposed with no compromise given to any company that violates the provisions of the law to ensure the safety and security of the country's food industry.

Pesawah terkesan banjir dibantu

TBTP dapat kurangkan beban kerugian ditanggung petani

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Zulfiaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Banjir yang melanda kawasan jelapang padi seluas kira-kira 6,000 hektar di Kedah dan Perlis menyebabkan pesawah mengalami kerugian mencecah RM40 juta.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata bagi mengurangkan beban kerugian ditanggung pesawah, kerajaan menyediakan bantuan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP).

Katanya, kadar bantuan yang akan diberikan tertakluk kepada usia padi dengan anggaran nilai antara RM876 hingga RM1,800 per hektar dan setiap pesawah layak memohon kelulusan maksimum tiga hektar sahaja.

"Pesawah yang biasa dengan keadaan cuaca selalunya mengatakan banjir dijangka berlaku pada Oktober, namun kali ini berlaku pertengahan September menyebabkan padi yang sedang masak habis tenggelam.

"Saya sendiri lihat kerosakan itu memang berlaku dan ada setengah sawah yang *total lost* dengan pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) anggaran kerugian setakat ini adalah RM40 juta membabitkan kira-kira 1,500 pesawah.

"Kita bersimpati dengan nasib pesawah yang ditimpa bencana banjir ini. Bagi meringankan beban pesawah yang mengalami kerugian akibat hilang hasil padi, kita menyalurkan bantuan TBTP yang akan dibayar secepat mungkin," katanya pada sidang media di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tajar di sini, semalam.

Tejas bekalan beras

Mengenai kemungkinan negara mengalami kekurangan bekalan beras akibat banjir yang melanda, Mohamad berkata, perancangan jangka panjang perlu dibuat dengan membuka jelapang padi baharu di Sabah dan Sarawak.

Bagi tempoh jangka pendek, katanya, kerajaan akan berusaha meningkatkan infrastruktur tanaman padi di luar kawasan tanaman rancangan bagi membolehkan pengeluaran beras dipertingkatkan pesawah terbiat secepat mungkin.

"Apabila sawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mengalami banjir besar dua kali pada 2021 dan 2022, berlaku kekurangan padi kira-kira empat peratus dan kali ini berlaku pula kekurangan

padi di kawasan MADA yang akan menyebabkan kekurangan bekalan beras.

"Jadi kita kena atasi masalah ini dalam tempoh jangka panjang dengan menyediakan jelapang padi kedua, iaitu di Sabah dan Sarawak. Kelmarin saya di Miri dan Premier Sarawak mengumumkan peruntukan awal RM500 juta bagi kawasan tanaman di negeri itu.

"Kita juga akan memohon RM400 juta kepada kerajaan dalam Belanjawan 2025 agar infrastruktur kawasan luar jelapang padi dapat dinaik taraf namun ia bergantung kepada Kementerian Kewangan meluluskan atau tidak," katanya.

Sementara itu, sebuah pusat pemindahan sementara (PPS) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Changlun di daerah Kubang Pasu ditutup semalam menjadikan jumlah mangsa banjir di Kedah menurun kepada 1,384 mangsa daripada 444 keluarga.

Jumlah itu dilaporkan setakat jam 4 petang semalam berbanding 1,431 orang daripada 459 keluarga yang dilaporkan pada jam 1.30 petang semalam.

Dengan penutupan satu PPS itu, jumlah PPS yang beroperasi setakat ini adalah 10.



Mohamad sampaikan sambutan sumbangan di PPK Tajar, Alor Setar, semalam. (Foto Wan Nabil Nasir/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Banjir: 5,915 hektar sawah rosak, rugi lebih RM46 juta

Oleh JAMLIAH ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Sejumlah 5,915 hektar kawasan padi rosak di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) terutama di Kedah mencatatkan kerugian lebih RM46 juta, membabitkan 1,500 pesawah.

Kerugian itu dianggarkan berdasarkan kepada harga lantai padi RM1,300 bagi satu tan metrik.

Sehubungan itu, kerajaan akan memberikan pampasan bermula daripada RM876 hingga RM1,800 setiap hektar tertakluk kepada usia padi kepada pesawah-pesawah terlibat.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya kini sedang melakukan kajian menyeluruh tentang kerugian yang ditanggung petani ekoran banjir yang merosakkan tanaman itu di negeri ini, baru-baru ini.

“Banjir tahun ini luar jangkaan pihak penanam padi yang menjangkakan ia berlaku pada Oktober tetapi sebaliknya pertengahan September ketika padi sedang masak dan banyak yang tenggelam.

“Lebih kurang 6,000 hektar kawasan tanaman terjejas, jadi pihak kementerian akan buat kajian menyeluruh tentang kerugian dengan bantuan agensi lain termasuk yang menjaga pengairan supaya kita dapat angka sebenar.

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2



MOHAMAD Sabu menyampaikan bantuan bakul makanan kepada petani terjejas di bawah pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Mada C-3 Tajar di Langgar, Alor Setar, semalam.

Banjir: 5,915 hektar sawah rosak, rugi lebih RM46 juta

Dari muka 1

“Bancian awal sudah dapat dan bantuan-bantuan awal ini akan disalur dengan secepat mungkin kerana banjir melibatkan kawasan jelapang padi yang harus diambil perhatian khas untuk memulihkannya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Penyampaian Bantuan Awal Bakul Makanan Madani kepada petani terjejas di Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA C-3 Tajar di Langgar, di sini semalam.

Dari segi keseluruhan, ujar Mohamad, sebanyak 2,074 pesawah, petani dan penternak di utara semenanjung terjejas akibat banjir dengan kerugian mencecah sehingga RM40 juta.

Dalam perkembangan ber-



Kita menghadapi masalah kekurangan beras akibat banjir di Kelantan sebelum ini yang lebih kurang 4 peratus.”

MOHAMAD SABU

kaitan, beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengengeruskan mesyuarat yang melibatkan hal ehwal sekuriti makanan negara pada 1 November depan.

“Dalam mesyuarat itu kita

akan masukkan hal berkaitan banjir di Kedah susulan bencana itu yang kali ini berlaku di luar jangkaan. Selain itu untuk pelan jangka panjang kita mohon kerajaan pada belanjawan dua minggu lagi supaya menaik taraf infrastruktur di kawasan luar jelapang melibatkan kos kira-kira RM400 juta,” katanya.

Katanya, kementerian juga pada masa sama akan mendukung usaha kerajaan Sarawak yang merancang untuk menjadikan negeri itu sebagai jelapang padi kedua negara.

“Kita menghadapi masalah kekurangan beras akibat banjir di Kelantan sebelum ini yang lebih kurang 4 peratus. Ini adalah usaha jangka panjang kita untuk hadapi masalah kekurangan beras,” katanya.

1/10/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32

Perlis hasilkan 1,250 tan benih padi sendiri

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

PADANG BESAR: Masalah bekalan benih padi yang sering membelunggu pesawah dijangka diatasi menjelang tahun depan apabila Perlis bakal menghasilkan 1,250 tan metrik atau 62,500 beg bekalan benih sendiri sekali gus membantu menampung keperluan lebih 32 peratus bekalan di negeri ini.

Keperluan benih di Perlis sebanyak 3,803 tan metrik atau 190,162 beg membabitkan keluasan 27,166 hektar kawasan tanaman padi di dalam dan luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Hal demikian selepas Perlis mewujudkan ladang benih padi sendiri di kawasan seluas 500 hektar melibatkan penglibatan 10 buah kampung yang akan dilaksanakan secara berperingkat sekali gus bakal membantu mengatasi masalah bekalan + benih.

Pada peringkat permulaan, ladang benih berkenaan telah dilaksanakan di Kampung Semadong di sini melibatkan kawasan seluas 50 hektar dengan pembabitkan 42 peserta sekali



PERLIS dijangka menghasilkan sebanyak 1,250 tan metrik atau 62,500 beg bekalan benih padi sendiri sekali gus membantu menampung keperluan lebih 32 peratus bekalan di negeri ini. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

gus mampu menghasilkan 125 tan metrik benih musim ini.

Projek perintis tersebut dilaksana Ketua Unit Kampung Semadong dengan kerjasama Jabatan Pertanian negeri, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Razali Saad

berkata, ladang benih tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat di kawasan lain dengan perintis di Kampung Semadong berkeluasan 50 hektar.

Selain di Semadong katanya, ladang benih tersebut akan dilaksanakan di Padang Siding, Mata Ayer, Bintong, Paya dan beberapa lagi kawasan lain.

“Kewujudan ladang benih

ini secara tidak langsung akan membantu mengurangkan masalah kekurangan bekalan benih yang sering kali membelunggu pesawah pada setiap tahun,” katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Kata Razali, kelaziman, pada musim kedua penanaman padi akan berlaku masalah kekurangan bekalan benih padi.

1/10/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

31

Anggur Gopeng manis, rangup RM150 sekilogram



ANGGUR yang ditanam di Agrotech Profarm di Gopeng daripada jenis Japanese Kyoho dijual RM150 satu kilogram. - UTUSAN/MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

GOPENG: Cameron Highlands sinonim dengan strawberi, teh dan sayur-sayuran yang segar. Namun, Agrotech Profarm di sini menjadi alternatif bagi mereka yang ingin lari daripada kesesakan lalu lintas tetapi dapat menikmati anggur, jambu dan sayur-sayuran segar.

Malah di Agrotech Profarm pergunjung masih boleh menikmati suhu mencecah 19 darjah Celcius. Seorang pengunjung, Abdul Hamid Ali, 35, berkata, beliau tidak menyangka terdapat tarikan anggur jenis Japanese Kyoho di kawasan agro pelancongan itu.

"Rasa anggur ini manis, rangup dan enak. Selain itu, pengalaman memetik buah premium yang hanya ditanam di sini sangat menarik. "Anggur ini harganya RM150 sekilogram memang mahal tetapi ternyata berbeza dengan jenis lain di pasaran," katanya kepada *Utusan*

Malaysia semalam.

Katanya, anggur itu juga ditanam secara organik tanpa baja dan racun kimia yang menjadikan rasanya lebih sedap.

Dalam pada itu, seorang suri rumah, Zaidah Zakaria, 35, teruja boleh merasa sendiri buah anggur selain dapat berswafoto sebagai kenang-kenangan.

"Jika mahu ke Jepun semangnya tidak mampu, dapat menikmatinya sendiri di sini sudah mencukupi.

"Selain itu, boleh membeli jambu batu Taiwan dan sayur-sayuran segar seperti sawi, pak choy dan kangkung amat menarik. Tidak perlu jauh pergi ke Cameron Highlands," katanya.

Katanya, cuaca di kawasan itu juga sejuk selain pemandangan gunung dan bukit yang indah boleh dijadikan sebagai terapi tersendiri kepada dirinya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/10/2024	KOSMO	NEGARA	14



MOHAMAD (tengah) menyampaikan bantuan kepada petani terjejas di PPK Mada C-3 Tajar di Langgar, Alor Setar semalam.

Pampasan padi rosak RM876 hingga RM1,800

ALOR SETAR – Kerajaan menyediakan bantuan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) bagi mengurangkan beban kerugian ditanggung pesawah apabila kawasan jelapang padi seluas kira-kira 6,000 hektar di Kedah dan Perlis dilanda banjir baru-baru ini.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menganggarkan kerugian yang dialami pesawah terbabit berjumlah RM40 juta.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kadar bantuan yang akan diberikan bergantung kepada usia padi dengan anggaran nilai antara RM876 hingga RM1,800 per hektar dan setiap pesawah layak.

“Banjir tahun ini luar daripada jangkaan pihak penanam padi yang menjangkakan ia berlaku pada Oktober, tetapi seba-

liknya pertengahan September ketika padi sedang masak dan banyak yang tenggelam.

“Lebih kurang 6,000 hektar, jadi pihak kementerian akan buat kajian menyeluruh tentang kerugian dengan bantuan agensi lain termasuk yang menjaga pengairan supaya kita dapat angka sebenar.

“Bancian awal sudah dapat dan bantuan awal ini akan disalur secepat mungkin kerana banjir melibatkan kawasan jelapang padi yang harus diambil perhatian khas untuk memulihkannya,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyampaian Bantuan Awal Bakul Makanan Madani kepada petani terjejas di Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA C-3 Tajar di Langgar, di sini semalam.

Salur bantuan segera bantu pesawah

2,074 terima bantuan awal Bakul Makanan Madani

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ
WAN MANSOR
ALOR SETAR

Seramai 2,074 pesawah dan pengusaha-pengusaha pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang terjejas akibat bencana banjir menerima bantuan awal Bakul Makanan Madani pada Isnin.

Bantuan tersebut disampaikan oleh Menteri, Datuk Seri Mohamad Sabu selepas turun padang meninjau kawasan tanaman padi yang rosak akibat banjir pada pertengahan September di kawasan seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Menurutnya, berdasarkan statistik terkini MADA, seluas 5,915.53 hektar sawah terjejas akibat bencana banjir melibatkan 2,928 orang pesawah di

kawasan Muda dan kajian menyeluruh akan diadakan untuk mengenal pasti kerugian sebenar.

"Banjir tahun ini luar daripada jangkaan, di mana pihak penanam padi mengatakan banjir berlaku sekitar Oktober.

"Tetapi kali ini berlaku di pertengahan September, bahkan padi yang sedang masak banyak yang tenggelam," katanya pada sidang akhbar yang turut dihadiri Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh pada Isnin.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan simbolik bantuan awal Bakul Makanan Madani kepada wakil pesawah dan pengusaha pertanian di Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan MADA C-III Tajar, dekat sini.

Mohamad berkata, bantuan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) disediakan oleh KPKM bagi meringankan beban pesawah yang telah mengalami kerugian dan kehilangan hasil pengeluaran padi luar jangka akibat bencana ini.

Menurutnya, kadar bantuan yang diberikan adalah tertali kepada usia padi dengan anggaran nilai bantuan bermula RM876 hingga RM1,800 per hektar.

"Jumlah maksimum bantuan kepada



Mohamad (tiga dari kiri) menyerahkan bantuan awal Bakul Makanan Madani kepada pesawah dan pengusaha pertanian di Pejabat MADA Alor Setar pada Isnin.

setiap pesawah yang layak adalah terhad kepada keluasan sebanyak tiga hektar sahaja bagi satu musim penanaman," ujarnya.

Tambah beliau, sebagai langkah ke hadapan, KPKM dalam proses peralihan daripada TBTP kepada Skim Perlindungan Takaful Agromakanan yang akan dimulakan dengan subsektor tanaman padi iaitu Skim Takaful Tanaman Padi (STTP).

Menurutnya, skim yang diterajui oleh Agrobank ini meliputi skop perlindungan bagi kejadian bencana alam termasuklah

penyakit tanaman dan serangan makhluk perosak.

"STTP menyediakan perlindungan tanaman padi yang lebih baik kepada pesawah individu yang berdaftar sehingga RM3,000 semusim per hektar mengikut usia tanaman dengan caruman premium berjumlah RM64.80 per hektar semusim.

"Bagi fasa pertama pelaksanaannya bermula musim 2 Tahun 2024, skim ini akan dibiayai sepenuhnya menggunakan peruntukan kerajaan," katanya.

Oleh M. Hifzuddin
Ikhsan
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Banjir yang melanda kawasan jelapang-pajang di seluas kira-kira 6,000 hektar di Kedah dan Perlis dianggarkan menyebabkan kerugian mencecah RM40 juta kepada pesawah.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, bagi mengurangkan beban kerugian ditanggung pesawah, kerajaan menyediakan bantuan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP).

Beliau berkata, kadar bantuan yang akan diberikan bergantung kepada usia padi dengan anggaran nilai antara RM876 hingga RM1,800 per hektar dan setiap pesawah layak permohonan kelausan maksimum tiga hektar saja.

"Banjir tahun ini di luar kebiasaan. Pesawah selalunya menjangkakan banjir berlaku pada Oktober, namun kali ini berlaku pertengahan September. Menyebabkan padi yang sedang masak habis tenggelam.

"Saya sendiri lihat keretakan itu berlaku dan ada sesetengah sawah yang 'rotal lost' dengan pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) anggarkan kerugian setakat ini adalah RM40 juta. Membabitkan kira-kira 1,500 pesawah.

"Kita bersimpati dengan nasib pesawah yang ditimpa bencana ini, bagi meringankan beban pesawah yang mengalami kerugian

BANJIR ROSAK JELAPANG PADI SELUAS 6,000 HEKTAR

Pesawah rugi RM40 juta



MOHAMAD (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada pesawah pada Program Sentuhan Madani di Perubuhan Peladang Kawasun. - Gambar NSTP/ WAN NABIL, NASIR

naman rancangan bagi membolehkan pengeluaran beras dipertingkat pesawah terbahit secepat mungkin.

"Apabila sawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) mengalami banjir besar dua kali pada 2021 dan 2022, berlaku kekurangan padi, kira-kira empat peratus dan kali ini berlaku pula kekurangan padi di kawasan Mada yang akan menyebabkan kekurangan bekalan beras.

"Jadi kita kena atasi masalah ini dalam tempoh jangka panjang dengan menyediakan jelapang padi kedua iaitu di Sabah dan Sarawak. Kelmarin (Sabtu) saya di Miri dan Premier Sarawak mengumumkan peruntukan awal RM500 juta bagi kawasan tanaman di negeri itu.

"Kita juga akan memohon RM400 juta kepada kerajaan dalam Bajet 2025 agar infrastruktur kawasan luar jelapang padi dapat dinaiktaraf, namun ia bergantung kepada Kementerian Kewangan meluluskan atau tidak, katanya.

Pada masa sama, beliau menegaskan usaha menaik taraf sistem saliran kawasan tanaman padi tidak boleh dilakukan kementerian, sebaliknya ia

perlu dilakukan secara bersama memabatkan agensi berkaitan demi memastikan keterjaminan makana negara.

akibat hilang hasil padi, kita menyalurkan bantuan TBTP yang akan dibayar secepat mungkin," katanya pada sidang media di Perubuhan Peladang Kawasun (PPK) Tajar di sini, semalam.

Mengulas mengenai kemungkilan negara mengalamai kekurangan bekalan beras akibat banjir yang melanda, Mohamad berkata, perancangan jangka panjang perlu dibuat dengan membuka jelapang padi baharu di Sabah dan Sarawak.

Katanya, bagi tempoh jangka pendek, kerajaan akan berusaha meningkatkan infrastruktur tanaman padi di luar kawasan ta-

3 lagi pusat pemindahan sementara dibuka

Alor Setar: Tiga lagi pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka, menjadikan jumlah mangsa banjir di Kedah ditempatkan di 11 PPS meningkat 1,359 orang daripada 436 keluarga berbanding 97 orang daripada 293 keluarga, malam kelmarin.

Menurut laporan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dua PPS baharu dibuka di daerah Kota Setar iaitu, SK Titi Gajah menempatkan 145 daripada 46 keluarga dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kepala Batas seramai 73 daripada 26 keluarga manakala SMK Alor Merah menempatkan 123 daripada 35 keluarga. Di Pokok Sena, satu PPS baharu dibuka di Surau Desa KEDA Derang, sekali gus menjadikan lima PPS beroperasi iaitu

Maahad Tarbiyah Islamiyah Derang, Dewan Serbaguna Pokok Sena, Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Hijau Mukim Derang dan Masjid Kampung Baru Jalan Lampang menempatkan 734 daripada 231 keluarga.

Di Kubang Pasu, seramai 284 orang daripada 98 keluarga ditempatkan di tiga PPS iaitu SMK Changlun, Dewan Lubuk Batu dan SK Bandar Baru Darul Aman. Berdasarkan laman web Public InfoBanjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) setakat 8 pagi semalam, paras Sungai Padang Terap di Kepala Batas, Sungai Bata di Kampung Bata, Kubang Pasu, Sungai Anak Bukit di Taman Aman, Kota Setar dan Sungai Titi Kerbau di Kubur Panjang, Pendang, telah melepasi paras bahaya.

Govt to speed up flood aid for Kedah padi farmers

PENDANG: The government will seek to expedite the distribution of initial aid through the *Padi* Crop Disaster Fund (PCDF) for farmers affected by the recent floods in Kedah.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the preliminary loss estimate for the affected agricultural sector is about RM40 million.

However, the ministry is still conducting a comprehensive study to determine the actual losses incurred.

"The losses include rice crops (the

highest), vegetables, land-based fishermen, whose ponds were destroyed by the flood, and cattle farms.

"In early November, the prime minister will chair a meeting related to food security. Perhaps we can include the emergency flood situation in Kedah. The rice granary area of the country must be given special attention," he said.

He said this after presenting the Madani Food Basket to *padi* farmers, agricultural workers and cattle rearers affected by the floods at the C-III Tajar Area Farmers Association yesterday.

A total of 2,074 *padi* farmers and agricultural operators under the Kedah Agriculture and Food Security Ministry Inc, who were affected by the floods last month, received food baskets containing various essential items.

Mohamad noted that about 6,000ha of rice crop areas were impacted by flooding in mid-September.

The floods damaged rice fields that were ready to be harvested, contributing to the rice supply

shortage in the country.

As a long-term strategy to mitigate rice supply shortages, particularly due to natural disasters, the ministry will request that the government allocate about RM400 million in Budget 2025 to improve the infrastructure and drainage system for areas outside traditional rice-growing zones.

"The Muda Agricultural Development Authority (Mada) has its own long-term project. We must also improve the infrastructure of areas outside the rice-growing zones,

especially regarding drainage and irrigation in rice field areas."

Additionally, he expressed hope that the ministry's initiative to make Sabah and Sarawak the country's second rice granary, following Kedah, will come to fruition.

"Yesterday (Sunday) I was in Miri, Sarawak. The Sarawak Premier announced the plan to make Sarawak the second 'rice bowl' with an initial allocation of RM500 million to address the rice shortage problem," he said.

- Bernama

6,000 HECTARES INUNDATED

OVER 2,900 KEDAH, PERLIS FARMERS HIT BY FLOODS

Preliminary assessment puts losses at RM40 million, says Mohamad

AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR
ALOR STAR
news@nst.com.my

RECENT floods in Kedah and Perlis have impacted more than 2,900 farmers and devastated nearly 6,000ha of padi fields under the Muda Agricultural Development Authority (Mada). Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said preliminary assess-

ments put losses at about RM40 million to all agricultural activities, with further evaluations ongoing.

He said the floods, intensified by climate change, struck unexpectedly early in the padi planting season, with heavier rain occurring over a shorter period.

"This year's floods were unexpected. Typically the floods occur around October but this time, it happened in mid-September, causing padi crops that were

ready to be harvested to be submerged.

"At the peak of the floods on Sept 21, 5,915.53ha of padi crops were affected, involving 2,928 farmers in Mada areas," he said after distributing Madani Food Basket aid to affected farmers at the Tajar Farmer's Organisation Area office.

Mohamad gave his assurance that the ministry, along with other agencies, would expedite assistance following a thorough analysis of the situation.

"The prime minister (Datuk Seri Anwar Ibrahim) will also chair a meeting in November to discuss food security, with the re-



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu presenting an aid package to a padi farmer affected by the floods in Alor Star recently. PIC BY WAN NABIL NASIR

cent Kedah floods being a major topic of concern," he added.

The floods that hit the state this month affected over 8,400 people across seven districts during its worst flood in 14 years.

Mohamad said the ministry had requested RM400 million to be allocated through the 2025 Budget for infrastructure upgrades in non-Mada padi areas to tackle flood issues.

"We'll have to wait and see if the

Finance Ministry approves it, but it's crucial to enhance irrigation systems in areas outside Mada. At the same time, Mada is working on a long-term project worth approximately RM5 billion to improve drainage systems, and that is ongoing," he said.

He added that the ministry was exploring padi farming projects in Sabah and Sarawak to ensure national food security, reducing reliance on Kedah as the main rice producer.

1/10/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Cuaca buruk: Hasil tangkapan Sungai kurang, harga meningkat



SALLEH MOHD. ROSDI menunjukkan bubu yang sering digunakannya untuk menangkap ikan dan udang.

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD
utusannews@mediamulla.com.my

SEGAMAT: Hasil ikan air tawar yang berkurangan sejak dua minggu lalu akibat cuaca tidak menentu menyebabkan ramai peraih ikan di daerah ini berdepan kekurangan bekalan, sekali gus menyebabkan harganya naik sehingga 25 peratus.

Seorang nelayan air tawar, Aziz Ismail, 50, berkata, kebanyakannya peraih tidak dapat berniaga susulan kekurangan hasil tangkapan ikan dan udang galah sejak beberapa hari lalu.

"Antara faktor menyebabkan kurangnya hasil tangkapan ikan dan hasil sungai adalah cuaca yang tidak menentu, selain angin kuat di pesisiran sungai.

"Ketika ini, nelayan hanya

mampu memperoleh hasil tangkapan antara 10 hingga 20 kilogram (kg) sehari berbanding mencecah 45 kg sebelum ini. Di harap kan keadaan akan kembali normal dengan hasil tangkapan pulih semula serta terus meningkat," katanya kepada *Utusan Malaysia* di lokasi pendaratan ikan di Kampung Seberang Batu Badak, dekat sini semalam.

Susulan bekalan terhad, harga hasil sungai naik, termasuk ikan baung daripada RM25 mencecah RM35 sekilogram.

"Ikan lais pula kini dijual antara RM30 hingga RM35 sekilogram berbanding RM20 hingga RM25 sekilogram sebelum ini. Walau bagaimanapun, udang galah gred C masih kekal RM35 sekilogram," katanya.

Seorang nelayan, Salleh Mohd.

Rosdi, 53, berkata, kebanyakan nelayan air tawar turun pada awal pagi dan pulang bergantung keadaan cuaca serta hasil tangkapan.

"Selain ikan, tangkapan hasil sungai lain seperti udang juga sukar diperolehi ketika ini menyebabkan harganya meningkat. Pelanggan juga mengeluh terpaksa bayar lebih berbanding sebelum ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Darat Segamat, Mansur Ibrahim, 70, berkata, walaupun ikan kurang, kenaikan harga tidak terlalu tinggi, malah ada yang masih kekal.

"Kita mohon orang ramai memahami situasi yang dihadapi oleh para nelayan sewaktu musim peralihan monsun ini," katanya.